

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PEMBENTUKAN GENERASI ULUL  
ALBAB MELALUI PENDEKATAN  
PSIKOLOGI DAKWAH: ANALISIS  
TEKS KITAB TAFSIR AL- AZHAR  
KARANGAN HAMKA**

**MOHD AZMANI FIRDAUS BIN  
ABD RAZAK HUSIN**

Tesis yang dikemukakan bagi memenuhi keperluan  
untuk Ijazah  
**Sarjana Pengajian Islam Kontemporari**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Januari 2024**

## **ABSTRAK**

Ulul Albab merupakan sebuah generasi berakhhlak dan memiliki kualiti yang baik menurut al-Quran. Melahirkan generasi masyarakat yang mempunyai ciri-ciri positif seperti kumpulan Ulul Albab merupakan suatu matlamat yang ingin dicapai dalam Islam. Terdapat 16 ayat di dalam al-Quran yang menyebut tentang kisah berkaitan generasi Ulul Albab daripada sudut latarbelakang sejarah dan akhlak serta keimanan yang dimiliki kumpulan ini. Matlamat penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti pendekatan psikologi dakwah yang digunakan oleh HAMKA dalam melahirkan generasi Ulul Albab yang kompeten menurut tafsir al-Azhar, mengkaji penafsiran HAMKA terhadap ayat-ayat berkaitan Ulul Albab dalam al-Quran dan membina sebuah model yang kompeten dalam melahirkan generasi Ulul Albab berdasarkan tafsiran HAMKA dalam kitab tafsir al-Azhar. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan berteraskan kepada kajian perpustakaan dan dokumentasi teks tafsir al-Azhar karangan HAMKA. Penyelidik menggunakan analisis secara deskriptif untuk menganalisis dokumen tafsir al-Azhar dan membentuk model Ulul Albab mengikut tafsiran HAMKA. Oleh demikian, dalam usaha untuk membangunkan generasi Ulul Albab yang kompeten, satu model dibina bersandarkan kepada tafsiran HAMKA dalam kitab tafsir al-Azhar bagi membangunkan generasi masyarakat dan individu yang hebat selaras dengan keperluan era kontemporari. Berdasarkan daripada model yang dibina, Malaysia dapat melahirkan lapisan generasi yang berfikiran kritis meliputi perspektif *aqliyah* dan *naqliyah* berlandaskan psikologi dakwah melalui lima elemen penting yang dianalisis daripada kitab tafsir Al-Azhar.

Kata Kunci: Ulul Albab, Psikologi Dakwah, Tafsir al-Azhar, HAMKA

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan berkat zatNya saya menyembah penuh ketaqwaan dan mensyukuri dengan penuh abdi serta rasa rendah diri kepada Allah Azza Wajalla. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW semulia-mulia rasul. Berkat syafaat baginda Rasulullah SAW dan iradahNya, dapat saya peluang bagi memulakan pengajian Master sehingga berjaya menyelesaikannya.

Jutaan terima kasih saya ini ditujukan kepada Penyelia utama saya merangkap Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Johor Kampus Segamat iaitu Dr. Syaimak Binti Ismail dan penyelia bersama, Dr. Nurul Badriyah Binti Ali. Terima kasih atas sokongan, kesabaran dan idea dalam membantu saya menjalankan penyelidikan ilmiah ini.

Ribuan terima kasih juga buat Ketua Pusat Pengajian Siswazah (KPP) UiTM Johor kampus Segamat iaitu Ts. Dr. Rashidah Binti Mokhtar, Ir. Dr. Suhadiyana Binti Hanapi, Ir. Dr. Abdul Hadi Bin Abdol Rahim, Dr. Ust. Mohd Ali Bin Mohd Don, Dr. Khadijah Binti Alias, Dr. Haryana Binti Mohd Hairi dan seluruh pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Johor Kampus Satelit Pasir Gudang dalam memberikan bantuan serta sokongan yang berterusan terhadap pengajian, memberikan peluang dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang alam pengajian penyelidikan yang dijalankan dalam usaha menjadi seorang ahli akademik dan cita-cita sebagai seorang pensyarah yang berjaya mendidik anak bangsa demi agama dan tanah air kelak.

Secara tidak langsung, diucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada pelajar-pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Pengurusan Perniagaan (Logistik) UiTM Johor kampus Satelit Pasir Gudang tahun 2021 yang saya hargai, kasih dan cintai.

Akhirul Kalam, penulisan ilmiah ini didedikasikan dan diabadikan buat ayahanda dan YM Paduka Bonda iaitu Abd Razak Husin Bin Abdullah dan  $\hat{\wedge}$ . Dengan berkat Iradah dan QudratNya, merafak sembah ke atas istiadat dan susurgalur Merong Mahawangsa KDYTM Khalifah Syarif Abu Bakar Syah (Maharaja Yang Ke 33 Empayar Benua Siam Nagara Kedah Tua). Semoga penulisan ini menjadi baraqah buat rujukan ummah dalam melahirkan semula peradaban legasi Melayu Islam yang hebat.

**“Asal Satu Kembali Bersatu”**

Kepada Allah Berserah,  
Azmani Razak  
Januari 2024

## **DAFTAR KANDUNGAN**

	<b>Muka Surat</b>
<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	ii
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>DAFTAR KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1    Latar Belakang Kajian	1
1.2    Pernyataan Masalah	3
1.3    Persoalan Kajian	12
1.4    Objektif Kajian	12
1.5    Definisi Operasional	13
1.5.1    Psikologi Dakwah	13
1.5.1.1    Psikologi	13
1.5.1.2    Dakwah	13
1.5.2    Ulul Albab	15
1.6    Skop dan Limitasi Kajian	15
1.7    Kepentingan Penyelidikan	15
1.8    Kajian Literatur	17
1.8.1    Perspektif Ulul Albab	18
1.8.2    Perspektif Psikologi Dakwah	21
1.8.3    Perspektif Tafsiran Kitab Tafsir Al-Azhar Karangan HAMKA	29
1.9    Metodologi Kajian	33
1.9.1    Metod Pengumpulan Data	33
1.9.2    Kaedah Analisis Data	36
1.10    Kerangka Konseptual	41

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Al-Quran merupakan sumber wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada Rasulullah buat rujukan dan pedoman umat nabi Muhammad SAW. Al-Quran diciptakan dengan bahasa tersendiri dan menggunakan dialek bahasa yang tidak sama dengan dialek yang digunakan oleh orang Arab pada ketika penurunannya (Ghafar, 2006). Penzahiran mukjizat al-Quran adalah bukti ayat kebenaran yang diturunkan sebagai panduan kepada umat manusia agar mengikut jalan yang lurus (Ghafar, 2006).

Sebanyak 16 kali perkataan Ulul Albab atau *Ulil Albab* telah disebut di dalam ayat al-Quran berdasarkan 10 surah (Arief Efendi, 2014). Penekanan serta pengulangan perkataan ini menunjukkan bahawa kepentingan utama didalam membina prospek Ulul Albab dalam usaha membentuk generasi unggul berdasarkan penguasaan ilmu pengetahuan dan ketinggian akal fikiran. Merujuk kepada Kamus al-Marbawi, perkataan Ulul Albab daripada sudut bahasa berasal dari dua perkataan iaitu Ulu dan Albab (Danial, 2015). ‘Ulu’ bermaksud mempunyai atau memiliki manakala ‘Albab’ pula bermaksud pati, akal yang bersih dan hati (Danial, 2015). Perkataan ‘Albab’ ini merupakan kalimah *jama*’ yang berasal dari kata dasar *lubb* (Danial, 2015).

Ulul Albab dinyatakan didalam al-Quran sebagai satu golongan manusia yang diberikan keistimewaan (*gifted*) (Danial, 2017). Mereka diberikan hikmah, kebijaksanaan dan pengetahuan mendalam terhadap sesuatu ilmu. Pemupukan generasi awalan ke arah Ulul Albab dapat memberikan impak positif didalam pembangunan sosial masyarakat kontemporari. Generasi ini menjadikan pegangan agama sebagai sandaran untuk menuju kehidupan yang direhdai Allah SWT. Akal fikiran yang dikurniakan Allah SWT digunakan dengan baik dalam diri generasi Ulul Albab. Golongan ini juga diistilahkan sebagai ulama’ ensiklopedik, mahir didalam ilmu fardu ain dan fardu kifayah (Danial, 2017) serta memiliki dua kekuatan iaitu zikir dan fikir (Danial, 2015).

Pendekatan zikir dikaitkan dengan ketinggian keimanan, ketaatan kepada ibadah, pengawalan emosi dan pemantapan sumber rohaniah individu (Danial, 2015). Zikir juga memainkan peranan penting di dalam membentuk sahsiah diri, individu dan